

ANAK JATI SABAH LAKAR SEJARAH DI ANTARTIKA

Cabaran besar suhu bawah paras beku

HM 25.01.2024 P.16

Kota Kinabalu: Saintis Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Justin Sentian melakar sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama menjalankan ekspedisi penyelidikan musim sejuk di benua Antartika.

Dengan suhu ekstrem mencecah - 44 darjah celsius dan angin hingga 120 kilometer sejam, Justin yang berasal dari Ranau berjaya menamatkan ekspedisi itu dalam tempoh tujuh bulan sejak Mac tahun lalu.

Beliau mengakui suhu bawah paras beku di benua yang menjadi kutub selatan bumi itu adalah cabaran utamanya dalam menyempurnakan misi penyelidikan yang berkaitan perubahan iklim.

"Sepanjang ekspedisi musim sejuk di Antartika, banyak cabaran yang dihadapi, terutama dari segi mental dan fizikal untuk menghadapi keadaan cuaca yang sangat ekstrem.

"Ada ketika suhu udara mencapai negatif 44 darjah celsius dan kelajuan angin dengan ribut salji mencecah 120 kilometer sejam," katanya pada kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor di Menara Ki-



JUSTIN (kiri) menyerahkan bendera Sabah yang dikibarkannya di Antartika kepada Hajiji di Kota Kinabalu, semalam. - Gambar Ihsan Jabatan Ketua Menteri Sabah

nalau, di sini, semalam.

Justin ditemani Penolong Naib Canselor (Strategik) UMS Prof Dr Mohd Saffree Jeffree dan Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) Abd Shukur Jamaluddin.

Sepanjang di Antartika, Justin berkata, beliau melancarkan kajian di

stesen Prof Julio Escudero milik Chile yang terletak di Pulau King George menggunakan geran RM150,000 yang diterimanya daripada YPASM.

Ia bagi mengendalikan projek penyelidikan berkaitan perubahan iklim bertajuk 'Variasi Ozon Troposfera dan Halokarbon di Semanjung

Antartika Dalam Keadaan Cuaca Melampau' dengan kerjasama Institut Penyelidikan Antartika Chile (Institut Antártico Chileno - INACH).

Kajian tiga tahun yang dijalankan dengan kerjasama INACH dan University of Santiago, Chile itu mengkaji peranan halokarbon reaktif terhalogen dalam kimia ozon permukaan dan keadaan meteorologi di bawah keadaan cuaca musim sejuk yang melampau.

**Justin saintis
Malaysia pertama
laksana penyelidikan
di Antartika**